

# Berit@UTeM

[www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my) | edisi Oktober 2014

**UTeM IPT**  
*PERTAMA ASEAN DIIKTIRAF*  
**DASSAULT  
SYSTEMES**

**UTeM TUBUH  
Majlis Profesor**

*Perhimpunan*  
**1UTeM**

*Wadah Perkongsian Ilmu, Memacu  
Kecemerlangan Dan Kegemilangan  
Universiti*





# Perhimpunan

## Wadah Perkongsian Ilmu, Memacu Kecemerlangan Dan Kegemilangan Universiti



**16 Oktober** – Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib telah menyampaikan amanat kepada kepada seluruh warga kerja universiti dalam Majlis Perhimpunan 1 UTeM di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Perhimpunan itu juga menandakan genap 123 hari beliau menjawat jawatan Naib Canselor UTeM sejak dilantik pada 16 Jun yang lalu.

Menurut Prof. Shahrin dalam ucapannya berkata, perhimpunan ini merupakan satu wadah perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM supaya terus komited dalam membawa agenda perubahan bagi memacu kecemerlangan

dan kegemilangan UTeM sebagai IPT teknikal awam di negara ini.

Beliau berkata, perhimpunan ini juga bertujuan untuk menjalin dan memperkuat ukhwah di kalangan warga universiti untuk bergerak sebagai satu pasukan bagi membawa UTeM ke peringkat yang lebih gemilang.

Jelasnya, bagi meningkatkan impak kepada pengurusan organisasi universiti, beberapa pelan telah diambil termasuk mewujudkan jawatan Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti), penubuhan pusat pengkomersilan dan Majlis Profesor Universiti serta penjenamaan semula beberapa pusat tanggungjawab.

### SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor  
Fazidah Ithnin

Wartawan  
Zulfatria Abdullah  
Mohamad Haffize Ramli  
Reka Letak Grafik  
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto  
Md. Nor Mohamad Saleh | Asri Abu | Nurulidayu Talib | Mohd Farid Supangi

Pengedaran  
Muhammad Taufik Osman



"Langkah ini bertujuan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi organisasi serta budaya kerja dikalangan warga universiti sekaligus meningkatkan impak dalam penghasilan kualiti kerja selari dengan hasrat UTeM menuju ke arah mencapai status pengiktirafan sebagai sebuah universiti bertaraf Accelerated Programme for Excellent (APEX) dalam bidang teknikal" ujar beliau.

Majlis itu juga turut menyaksikan penyerahan fail meja kepada Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) Datuk Prof. Dr. Zolkepli Buang, Pengerusi Majlis Profesor UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani, Pengarah Penerbit

Universiti Prof. Dr. Ahmad Zaki A Bakar, Pengarah Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko Prof. Dr. Mokhtar Mohd Yusof, Pengarah Pusat Keusahawanan Prof. Dr. Salleh Yahya dan Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori Fazidah Ithnin serta pengumuman kenaikan pangkat Prof Madya beberapa orang pensyarah.

Majlis pada hari itu juga berkesempatan untuk mengucapkan dan merakamkan takziah kepada beberapa orang pelajar dan staf UTeM yang telah meninggal dunia.





# UTeM IPT PERTAMA ASEAN DIIKTIRAF DASSAULT



**27 Oktober** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus meraih perhatian pihak industri apabila mendapat pengiktirafan daripada syarikat perisian rekabentuk terkemuka dunia iaitu Dassault Systemes sebagai Academy Member pertama dalam kalangan negara ASEAN. Pengiktirafan itu membabitkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) selaku pengguna utama perisian rekabentuk 3D termaju serta Pengurusan Kitaran Produk (PLM) seperti CATIA, Solidwork dan beberapa lagi perisian rekabentuk terbantu komputer (CAD) dikeluarkan oleh Dassault Systemes yang berpangkalan di Perancis.

Selaku Dassault Systemes Academy Member, pelajar UTeM khususnya di fakulti itu diberi akses untuk berkongsi maklumat dan hasil kerja menggunakan platform CATIA V6 dengan pelajar atau pengguna dari seluruh dunia. Menurut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, fakultinya adalah pengguna pertama perisian termaju CATIA V6 dan pendedahan terhadap perisian itu memberi impak besar terutamanya kepada pihak industri di negara ini. Jelasnya, UTeM mempunyai hubungan erat dengan Dassault Systemes melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai tidak lama dahulu dan FTK kini sedang melaksanakan tujuh inisiatif strategik bagi merealisasikan kerjasama tersebut. Tujuh inisiatif itu jelas Rahimi lagi meliputi platform atas talian, seminar industri, latihan, projek inovasi global, pensijilan, program ijazah sarjana muda dan program mobiliti. "Pengiktirafan selaku Academy Member pertama di ASEAN memberi kelebihan kepada UTeM dan FTK untuk menjadi peneraju kepada penggunaan perisian CATIA V6 yang sangat diperlukan oleh pihak industri,"

kata Rahimi ketika ditemui. Sementara itu, wakil Dassault Systemes Asia Pasifik Jerome Retiff berkata, UTeM bakal memiliki kelebihan selaku Academy Member untuk berinteraksi dan berhubung dengan ahli-ahli akademi lain yang diiktiraf melibatkan lebih 20 institusi pengajian tinggi luar negara. Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib pula menyifatkan pengiktirafan itu amat signifikan dengan peranan universiti itu dalam melahirkan tenaga profesional berkualiti tinggi. Melalui pengiktirafan tersebut, kebolehpasaran graduan UTeM akan terus melonjak selaras dengan keperluan industri berteknologi pada masa kini, jelasnya lagi.



MAJLIS  
MAKAN MALAM  
MAJLIS PROFESOR NEGARA  
DAN  
SESI DIALOG BERSAMA  
KETUA MENTERI MELAKA

BALLROOM 1  
HOTEL HATTEN MELAKA  
30 OKTOBER 2014  
KHAMIS | 8.30 MALAM



HATTEN  
HOTEL  
MELAKA

HATTEN  
HOTEL  
MELAKA

# UTeM TUBUH

## Majlis Profesor Universiti

MFS / MNMS

7

Zulfatria Abdullah



**29 Oktober** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengorak langkah dalam usaha membantu melahirkan idea inovatif bagi pembangunan negeri Melaka meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan sosial dengan mewujudkan Majlis Profesor UTeM (MPU).

MPU telah ditubuhkan pada 16 Oktober yang lalu dipengerusikan oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani dengan keanggotaan seramai 24 orang profesor dan akan melibatkan sebanyak 14 kluster termasuk pendidikan, perubatan, teknologi maklumat, kejuruteraan, ekonomi dan pengurusan

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, MPU ditubuhkan bagi tujuan untuk mengumpul dan memudahkan kerajaan negeri

menggembing kepakaran akademik dan profesional para profesor UTeM, secara kolektif bagi tujuan membantu program pembangunan dan kemajuan rakyat di negeri Melaka.

"MPU ini akan menjadi platform bagi mengenalpasti masalah masyarakat setempat dan seterusnya menjana idea-idea baru yang boleh membantu pembangunan, pendidikan dan kehidupan komuniti setempat sekaligus dapat mewujudkan hubungan yang baik antara semua agensi kerajaan dan wakil masyarakat dengan penglibatan dari setiap kluster," ujarnya.

Majlis pelancaran MPU dan sesi dialog bersama Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ir. Hj. Idris Haron, Exco-Exco Kerajaan dan Majlis Profesor Negara turut telah diadakan bertempat di sebuah hotel terkemuka di negeri ini.

# PUSAT AKADEMIK UTeM - UNIVERSITY OF TOKUSHIMA CIPTA SEJARAH

**23 September** - Sejarah gemilang dalam bidang pendidikan negara telah dilakar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila kolaborasinya dengan University of Tokushima (UT) dari Jepun mula menampakkan hasil dengan penubuhan Pusat Akademik UT-UTeM yang telah dilancarkan baru – baru ini.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM, Prof. Madya Dr. Mohd Rizal Salleh ketika ditemui berkata, UTeM telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan UT pada awal tahun 2013 dan sejak itu pelbagai aktiviti dua hala dilaksanakan dengan aktif. "Kejayaan penubuhan pusat akademik ini adalah bukti betapa seriusnya pihak UT ingin berkolaborasi dengan UTeM dan kemudahan ini bakal merancakkan hubungan yang terjalin," kata Rizal.

Jelasnya lagi, pusat akademik yang terletak di Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal berperanan sebagai pusat sehenti atau one-stop-centre bagi memberi kemudahan kepada ahli akademik atau pelajar berurusan dengan pihak UT di Jepun melibatkan aktiviti penyelidikan, pertukaran maklumat, kebudayaan mahupun pembelajaran. "Pusat Akademik UT-UTeM ini dilengkapi dengan kemudahan atas talian seperti persidangan video agar komunikasi secara langsung dapat dilaksanakan lantas meningkatkan pengalaman pembelajaran ke tahap lebih tinggi," jelas beliau. Perasmian Pusat Akademik UT-UTeM itu telah disempurnakan oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa sambil disaksikan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pengurusan kanan UTeM dan UT.





Sumber disediakan



Zulfatria Abdullah

# SDTF- LAMPU ISYARAT PAPARAN TUNGGAL BERKONSEPKAN TEKNOLOGI HIJAU

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus merintis kejayaan apabila dua orang penyelidiknya iaitu Engr. Siva Kumar Subramaniam dan Mazran Esro telah berjaya menghasilkan lampu isyarat paparan tunggal (SDTF) berkonsepkan Teknologi Hijau. Menurut Sivakumar yang merupakan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM berkata, produk tersebut amat berbeza dari segi bentuk, saiz dan fungsinya dengan lampu isyarat yang terdapat di persimpangan jalanraya di seluruh dunia. Jelasnya, lampu isyarat konvensional mempunyai tiga paparan tetapi SDTF hanya mempunyai satu paparan sahaja yang akan menyalakan tiga warna iaitu merah, kuning dan hijau serta simbol yang tersendiri,

paling praktikal dan amat sesuai untuk semua pengguna termasuk mereka yang mempunyai masalah rabun warna. "Menariknya mengenai produk ini, iaanya menggunakan tenaga solar sepenuhnya untuk berfungsi pada waktu siang dan pada waktu malam akan menggunakan kuasa yang dibekalkan oleh bateri yang telah dicas pada sebelah siangnya" ujar beliau lagi. Sementara itu menurut Mazran yang merupakan pencipta bersama SDTF ini berkata, penggunaan SDTF mampu menjimatkan kos dan juga tenaga kerana secara fizikalnya hanya menggunakan satu paparan lampu isyarat dan menggunakan bekalan kuasa solar selain menyokong aspirasi kerajaan dalam memastikan penggunaan teknologi mesra alam sekitar.

"Produk SDTF ini turut melakar beberapa kejayaan diperingkat nasional dan antarabangsa termasuk di Malaysia Technology Expo dan Inventions Geneva serta menerima geran penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan" ujarnya lagi.

Penghasilan produk ini jelas menampakkan komitmen UTeM untuk melaksanakan agenda perubahan ke arah kecemerlangan dengan menitikberatkan elemen inovasi dan kreativiti sebagai pemacu kegemilangan dalam usaha untuk menjadi sebuah universiti teknikal terkemuka.



# SEKALUNG TAHNIAH !



1

Zulfatria Abdullah



Sumber Disediakan

## PRODUK INOVASI UTeM RAIH TEMPAT PERTAMA DI EINIX 2014

**10 September** - Pensyarah kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meraih tempat pertama dalam pertandingan "Engineering Invention and Innovation Exhibition 2014 (EINIX 2014) anjuran Institution of Engineers Malaysia (IEM) yang berlangsung di Petaling Jaya.

Ir. Mohd Farriz Basar dan Mohd Sharil Yahya merangkul tempat pertama dengan inovasi dikenali dengan nama "SMART PicoHydro" dan membawa pulang hadiah wang tunai RM 3,000 di samping pingat, trofi dan sijil.

Produk ini akan mewakili Malaysia ke pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di Myanmar.

Menurut Mohd Farriz, produk SMART PicoHydro mampu menjana tenaga elektrik secara percuma semasa penggunaan air di rumah mahupun di bangunan domestik.

"Secara teknikalnya, tekanan air paip di dalam bangunan domestik akan memutarkan turbin dan sekaligus menggerakkan penjana arus terus. Serentak dengan itu, tenaga elektrik akan terhasil dan disimpan di dalam bateri untuk kegunaan perkakasan elektrik di rumah seperti lampu, radio, kipas dan sebagainya," jelas Farriz

Selaku johan, Mohd Farriz bakal mewakili negara ke pertandingan peringkat antarabangsa yang akan berlangsung di Myanmar tidak lama lagi.

EINIX 2014 yang dianjurkan oleh Seksyen Jurutera Muda IEM adalah bersempena dengan Minggu Kejuruteraan 2014 bertujuan untuk mempromosikan kesedaran kepada orang ramai dengan memperkenalkan ciptaan kreatif dan inovasi daripada universiti-universiti tempatan.



Sumber disediakan

Zulfatria Abdullah

## FTK UTeM TERIMA KUNJUNGAN PELAJAR ADTEC TAIPING PERAK

**29 Oktober** - Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima lawatan delegasi pelajar seramai 45 orang pelajar Diploma Mikroelektronik dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Perak pada 17 Oktober yang lalu.

Taklimat berkaitan sejarah penubuhan UTeM, penawaran program sarjana muda Teknologi Kejuruteraan dan peluang kerjaya

telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Biro Promosi dan Khidmat Komuniti FTK, Nurulhalim bin Hassim yang juga merupakan pensyarah di fakulti tersebut. Delegasi seterusnya dibawa melihat fasiliti dan kemudahan makmal berteknologi tinggi seperti Makmal Komunikasi Data dan Rangkaian, Makmal Sistem Kawalan dan Makmal Pemesinan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ketua delegasi, Omar Abdul Rahman ketika ditemui berkata, lawatan

tersebut telah memberikan pendedahan yang berguna kepada para pelajar terutamanya mengenai peluang pembelajaran yang boleh diikuti oleh mereka sebaik sahaja menamatkan pengajian mereka kelak. Selain itu ujar beliau lagi, pemilihan UTeM sebagai destinasi lawatan dibuat atas faktor keunikan modul pembelajaran dan kemudahan pembelajarannya yang kondusif serta status Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO ini yang turut menarik perhatian mereka.

## KURSUS ATAS TALIAN TINGKATKAN MUTU PENDIDIKAN NEGARA

Pelaksanaan Massive Open Online Courses (MOOCs) merupakan inisiatif terkini bagi penyampaian kursus secara atas talian melangkaui batasan masa dan tempat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka pelan tindakan bagi pelaksanaan MOOCs Fasa Pertama bagi pelan jangka pendek dan MOOCs Fasa Kedua bagi pelan jangka panjang. Inisiatif ini juga merupakan salah satu pelan strategik di dalam Malaysia Higher Education Blueprint yang bakal dilancarkan.

Pelaksanaan MOOCs Fasa Pertama telah dilaksanakan apabila empat (4) kursus rintis dilancarkan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 18 September 2014 dan mula ditawarkan pada Semester I Sesi 2014/2015 melalui platform OpenLearning. Kursus rintis ini terdiri daripada mata pelajaran wajib pelajar Tahun 1 iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)

yang dibangunkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Kesepaduan dan Hubungan Etnik di Malaysia oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Introduction to Entrepreneurship oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan ICT Competency oleh Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS). Sasaran awal enrolmen pelajar sebanyak 40,000 tercapai apabila sehingga kini, enrolmen pelajar bagi keempat-empat kursus rintis telah mencecah 50,000.

Bagi pelaksanaan MOOCs Fasa Kedua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mensasarkan sekurang-kurangnya 30% penggunaan MOOCs di semua kursus di IPTA menjelang 2020. Selaras dengan sasaran tersebut, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi bersama-sama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Bengkel MOOCs – The

Way Forward pada 22-24 Oktober 2014 bertempat di Hotel Mahkota, Melaka. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana MOOCs KPM, YBhg. Prof. Datuk Shahrin bin Sahib, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Pelaksana MOOCs, Jurulatih MOOCs, Ahli Majlis Ketua-ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA (MEIPTA) dan Ahli Majlis Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (MAGNETIC).

Bengkel ini diadakan bagi merangka pelan pelaksanaan MOOCs Fasa Kedua dengan lebih tepat, relevan dan boleh dicapai. Di akhir bengkel ini, setiap kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan. Pelan Perancangan MOOCs Fasa Kedua yang dirangka ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk MOOCs Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dipersetujui.





Zulfatria Abdullah



Sumber Disediakan

# PROF. SHAHRIN TERIMA DMSM

**10 Oktober** – Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Dr. Shahrin Sahib telah menerima darjah kebesaran "Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk sempena sambutan ulang tahun ke-76 Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (UTeM), Prof. Shahrin merupakan antara 15 penerima darjah kebesaran tersebut yang telah berlangsung di Dewan Seri Negeri.

Sementara itu, ketika ditemui, Prof. Shahrin melahirkan rasa syukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Tuan Yang Terutama yang juga merupakan Canselor UTeM diatas pengurnianan darjah tersebut.

Jelas beliau lagi, penganugerahan ini akan menjadi lonjakan kepada usaha yang lebih gigih di masa hadapan bagi memastikan UTeM terus unggul sebagai universiti berfokus yang berteraskan bidang teknikal di negara ini.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua warga UTeM yang sentiasa memberikan kerjasama jitu kepadanya dalam menjalankan tugas sebagai Naib Canselor, dan akan terus komited untuk memacu universiti di landasan yang tepat seiring dengan visi dan misi UTeM.



## PROF. ZOLKEPLI DILANTIK PENOLONG NAIB CANSELOR BAHARU



Zulfatria Abdullah



Sumber Disediakan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melantik Datuk Prof. Dr. Zolkepli Buang sebagai Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) bagi tempoh dua tahun iaitu sehingga 14 September 2016.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM, Zolkepli, 57, memperolehi Ijazah Doktor Falsafah Sains (PhD) dari University of Birmingham, United Kingdom pada tahun 2000 dan Sarjana Dalam Pendidikan Sains dari University of Leeds, United Kingdom pada tahun 1993.

Beliau merupakan antara peneraju dalam penubuhan UTeM sejak tahun 2000 di mana beliau telah dilantik sebagai Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik selama dua tahun, Pengarah Pusat Pembelajaran dan Pengajaran selama tiga tahun serta Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni selama dua tahun..

Sebelum menyertai UTeM, Zolkepli telah berkhidmat dalam bidang perguruan dan merupakan Ketua Jabatan dan Pensyarah Kanan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPPMM) yang kini dikenali Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perempuan Melayu Melaka.

Pemilihan Zolkepli adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dengan mengambil kira pengalaman akademik, kepakaran dan pentadbiran beliau seiring dengan status UTeM sebagai universiti berfokus yang berteraskan bidang teknikal.

Di peringkat negeri, beliau menyumbang kepakaran sebagai Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Hospital Putra Batu Pahat Johor.



# ISORIS Platform

## Kongsi Penyelidikan Inovasi Berkaitan Inovasi & Kelestarian

15 Oktober – International Symposium On Research In Innovation and Sustainability (ISORIS) 2014 dilihat mampu menjadi landsan kepada penyelidikan inovasi dalam pelbagai bidang.

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, melalui symposium ini ia membuktikan terdapat unsur kebersamaan dikalangan pelopor bidang penyelidikan inovasi untuk berkongsi idea, langkah dan perubahan demi memangkunkan bidang tersebut secara efektif di negara ini.


Beliau berkata, bertemakan Inovatif Ke Arah Kemampunan, ia adalah bertepatan dengan hasrat negara dalam memacu bidang penyelidikan inovasi sebagai teras utama.

“Aspirasi pembangunan penyelidikan inovasi dilihat sebagai satu pasaran global dan menjadi perkara utama untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara” katanya ketika berucap merasmikan ISORIS 2014, semalam.

Berlangsung julung kalinya di negeri ini, lebih 100 orang peserta daripada pelbagai negara hadir bagi mendengar taklimat serta perbincangan mengenai pembangunan bidang penyelidikan inovasi.

Katanya kerajaan telah mengambil pelbagai jenis inisiatif untuk memupuk minat dalam bidang penyelidikan inovasi di kalangan masyarakat dan ia membuktikan kerajaan sememangnya memandang serius kepentingan bidang tersebut.

“Dalam indeks daya saing global 2013-2014, Malaysia menduduki tempat ke 24. Ia adalah peningkatan positif berbanding tahun 2012-2013 di tempat ke 25 dan tempat ke 33 dalam Indeks Inovasi Global 2014” ujarnya.



# UTeM RAIKAN MEDIA



Sumber disediakan



Zulfatria Abdullah

**18 Oktober**—Seramai 50 orang pengamal media diraikan pada Majlis Ramah Mesra Media bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Medan Ikan Bakar Parameswara di sini. Majlis yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib itu bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara pihak universiti bersama media agar terus menjalin hubungan yang lebih akrab. Shahrin memberitahu, maklumat yang tepat mampu mengeratkan lagi hubungan menerusi komunikasi yang lebih jelas.

Jelasnya, sejak UTeM ditubuhkan, media telah memainkan peranan membantu membina imej universiti ini sehingga berjaya melakukan transformasi yang baik.

“Maklumat yang disampaikan media cetak dan elektronik berkaitan UTeM telah banyak membantu memperkenalkan universiti ini di mata dunia” katanya. Antara petugas media yang hadir ialah Melaka Hari Ini (MHI), Utusan Malaysia, Berita Harian, Radio Televisyen Malaysia (RTM), The New Straits Times Press (NSTP), The Star dan akbar berbahasa Cina serta Tamil.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti UTeM Datuk Prof. Dr. Zolkepli Buang, Pengurus Majlis Profesor UTeM Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani dan Yang Dipertua Kelab Media Massa Melaka (KEMM) Jaafar Neemat.



# UTeM & BEHR BIRCHER METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN, TINGKAT KERJASAMA STRATEGIK UNIVERSITI-INDUSTRI



Zulfatria Abdullah



MFS

**21 Oktober** - Hubungan kerjasama strategik antara universiti dan industri terus diperkaskan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam usaha menjadikan negeri Melaka sebagai hab pendidikan serta memartabatkan pengajian teknikal negara ini.

Usaha tersebut menyaksikan UTeM melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) yang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Behr Bircher Cellpark Sdn Bhd untuk meningkatkan kerjasama dua hala terutamanya dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

Menurut Dekan FKE, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, MoU tersebut akan menyaksikan kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan, meliputi pemindahan teknologi dan perkongsian kepakaran antara UTeM dan Behr Bircher yang memberi manfaat yang besar kepada kedua-dua pihak sekaligus dapat meningkatkan lagi mutu penyelidikan dan modal insan berkualiti sejajar dengan matlamat ke arah status

negara maju. Dalam majlis tersebut, UTeM telah diwakili oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor manakala Ber Bircher diwakili Pengarah Urusan Haspeter Ritzmann dan Pengurus Teknikal Sapto Endah.



## KEM SMART SOLAT & SMART TAHFIZ MEMBENTUK SAHSIAH UNGGUL

'Smart Tahfiz & Smart Solat' adalah program yang saban tahun dilaksanakan oleh Unit Masjid dan Penerbitan, Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Program murni ini bukan sahaja mengisi masa anakan-anak staf khasnya semasa cuti sekolah tetapi juga membimbing peserta menghafaz ayat-ayat Al-Quran, doa-doa dan menerapkan akan kepentingan solat. Bagi tahun 2014, kem ini telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada cuti sekolah bulan Mac dan cuti sekolah bulan Disember.

Kem Smart Tahfiz & Smart Solat siri 1/2014 ini telah dilaksanakan pada 24 hingga 28 Mac 2014 yang lalu bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar. Seramai 56 orang kanak-kanak telah menyertai kem ini. Kem Smart Tahfiz & Smart Solat siri 2/2014 pula telah diadakan pada 1-5 Disember 2014 baru-baru ini bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM. Seramai 120 orang kanak-kanak telah menyertai kem kali ini. Kem STSS siri 2 ini dikendalikan oleh fasilitator yang dipilih di dalam kalangan guru dan bakal guru di Institusi Perguruan (IPG) iaitu seramai 10 orang.

Antara aktiviti yang diadakan adalah latihan dalam kumpulan yang melibatkan ceramah dan tunjukajar mengutamakan solat dan mengalakan amalan solat sunat Dhuha. Peserta turut diterapkan kepentingan membaca Al-Quran serta kaedah-kaedah untuk menghafal ayat-ayat Al-Quran.



Sumber disediakan



Mohamad Haffize Ramli





# UTeM MOMENTS





# SENYUM JUGA SEDEKAH



TAZKIRAH PUSAT ISLAM



Assalamualaikum dan salam sejahtera, semoga hari ini lebih baik dari semalam untuk kita meneruskan amal bakti kita kepada Allah swt. beramal atau melakukan kebajikan memerlukan hati yang ikhlas, dan apabila kita ikhlas akan melahirkan keseronokan dalam bekerja dan melahirkan senyuman yang berseri dalam menjalankan tugas kita. Mari kita dengar apa kata nabi berkaitan senyum...

Rasulullah SAW bersabda bahawa anak keturunan Adam memiliki kewajiban untuk bersedekah setiap harinya sejak matahari mulai terbit.

Seorang sahabat yang tidak memiliki apa pun untuk disedekahkan bertanya, “Jika kami ingin bersedekah, namun kami tidak memiliki apa pun, lantas apa yang boleh kami sedekahkan dan bagaimana kami menyedekahkannya ?”

Rasulullah SAW bersabda, “Senyum kalian bagi saudaranya adalah sedekah, beramal makruf dan nahi mungkar yang kalian lakukan untuk saudaranya juga sedekah, dan kalian menunjukkan jalan bagi seseorang yang tersesat juga sedekah.” (HR Tirmizi dan Abu Dzar).

Dalam hadis lain disebutkan bahawa senyum itu ibadah, “Tersenyum ketika bertemu saudaramu adalah ibadah.” (HR Trimidzi, Ibnu Hibban, dan Baihaqi).

Salah seorang sahabat, Abdullah bin Harits, pernah menyatakan tentang Rasulullah SAW, “Tidak pernah aku melihat seseorang yang lebih banyak tersenyum daripada Rasulullah SAW.” (HR Tirmidzi).

Meskipun ringan, senyum merupakan amal kebaikan yang tidak boleh diremehkan.

Rasulullah SAW bersabda, “Janganlah kamu meremehkan kebaikan sekecil apa pun, sekalipun itu hanya bermuka manis saat berjumpa saudaramu.” (HR Muslim).

Mungkin kita sering berfikir bahawa sedekah itu berkaitan erat dengan harta benda seperti pemberian wang, pakaian, atau apa pun yang langsung boleh dinikmati penerima dalam bentuk barang. Hal itu juga mungkin yang ada dalam fikiran para sahabat Rasulullah SAW, sehingga mereka sangat gelisah kemudian mempertanyakannya.

Kerana itu, tidak semestinya seorang Muslim membiarkan satu hari pun berlalu tanpa dirinya terlibat dalam kegiatan bersedekah. Jika kita punya wawasan sempit mengenai pengertian bersedekah, tentulah hal itu menjadi mustahil. Di antara keistimewaan sedekah adalah menolak bala (musibah).

Dari Sayyid Ali Ar-Ridha, dari Sayyid Ja'far Ash-Shadiq, dari Sayyid Ali Zainal Abidin, dari Ali bin Abi Thalib Radiyallahu Anhum, bahwa Rasulullah SAW bersabda, “Sedekah itu dapat menghindarkan diri dari kematian yang tidak baik, menjaga diri dari tujuh puluh macam bencana.”

Semoga dengan hadith-hadith diatas dapat menjadikan diri kita positif dalam segala tugas kita, senyumlah tak perlu kata apa-apa.

# Majlis Profesor UTeM realisi agenda kemajuan

DURIAN TUNGGAL, 28 Okt - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bakal mengorak langkah dalam usaha membantu melahirkan idea inovatif bagi pembangunan Negeri Melaka meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan sosial dengan mewujudkan Majlis Profesor UTeM (MPU).

MPU telah ditubuhkan pada 16 Oktober lalu di pengerusikan oleh Prof. Dr. Baudin Ab.



SHAHRI

Sahib berkata, MPU diwujudkan bagi tujuan me-

Melaka. "MPU akan menjadi platform bagi mengenal pasti masalah masyarakat setempat dan seterusnya menjana idea-idea baharu yang boleh membantu pembangunan.

"Ini termasuk pendikan dan kehidupan komuniti setempat sekali gus dapat mewujudkan hubungan baik antara semua agensi kerajaan dan wakil masyarakat dengan penglibatan dalam setiap kluster,"

Bersempena

kan MPU ini juga

majlis

sesi

profesor

ini.

DURIAN TUNGGAL, 28 Okt - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus meraah perhatian pihak industri apabila mendapat pengiktirafan dari syarikat persian reka bentuk dan teknologi (CATIA) sebagai "Academy Member pertama di rantau ASEAN".

Pengiktirafan itu membalikkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Utara (FTK) dalam urusan perniagaan reka bentuk 3D termasuk serta Pengurusan Kitaran Produk (PLM) seperti CATIA, SolidWorks dan beberapa lagi persian reka bentuk dikongsikan.

Sebaliknya M Khususnya di fa-

akulti dan hasil kerja i-

plikasi CATIA V4

jar atau pengguna-

teknologi dan inovasi.

Pengaruh kejohanan, Tayalan Manoharan, berkata butuh jalinan kejohanan dibahagikan kepada kategori iaitu enjin

Electric Vehicle, En-

gineering dan teknologi

dan teknologi dan inovasi.

"Program ini merupakan acara tunjuhanan terbesar an-

tar UTeM sejak tahun 2006 hingga

mengasah bakat dan kebolehan

lebih dalam bidang berkreatan.

Selain meningkatkan daya pem-

an dan ketahanan peserta,

dan turut memantapkan

perekemahan insan yang

diperoleh di bilik kuliah pada

setiap pelajar," katanya.

## Tahniah para graduan UTeM! Ilmu didaulat, universiti dinobat

DR. NORILAH KUDUS

Pemaham Kanan,  
Pengurusan Akademik  
Universiti Teknikal  
Malaya Melaka (UTeM)

Setiap tahun

kepelbagaian bagi merentas lejajuan

para graduan mereka yang ber-

hasil dalam urusan peng-

ajaran dan aktiviti sosi-

ialah yang membuatnya

berhasil dalam meraih gelar

graduan bertaraf dunia.

Keseluruhan kesucian ini adalah

hasil kerjasama dan dedikasi

yang dilakukan oleh seluruh

petugas dan ahli-

utama UTeM.

Haraplah kita

semua untuk

memerlukan

semua

untuk

berjaya

dan sukses

sepanjang hidup

anda dan keluarga anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

berjaya

dan sukses

sepanjang

hidup anda.

Terima kasih

semua

dan semoga

selalu

**14 Oktober** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan perlumba mini Formula 1 yang dikenali dengan nama Formula Varsity Malaysia 2015 bakal berlangsung pada 26 Februari 2015.

Menurut pengarah program itu, Engr. Tayalan Manoharan ketika ditemui berkata, Formula Varsity Malaysia dahulunya dikenali sebagai UTeM Formula Varsity dan kini diberi penjenamaan semula serta mengiktiraf kreativiti setiap pasukan yang menyertai perlumba berprestij itu.

Menurutnya, perlumba tersebut merupakan acara dwitahunan terbesar bagi UTeM dalam mengasah bakat dan kebolehan pelajar dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan inovasi.

Jelas beliau, penganjuran pada tahun 2015 menjadi edisi panganjuran kali kelima selepas kejayaan pada tahun 2006, 2008, 2010 dan 2012.

"Buat julung kalinya, perlumba kali ini bakal dianjurkan berdasarkan kepada dua kategori utama iaitu enjin pembakaran dalam dan Electric Efficient Vehicle (EEV)," kata Tayalan.

Kata beliau lagi, panganjuran adalah bertujuan untuk mencungkil bakat, kepakaran serta kemahiran pelajar dalam bidang kejuruteraan daripada IPTA dan IPTS seluruh negara untuk merekabentuk dan membina jentera lumba, seterusnya bertanding secara "formula style".

Perlumba Formula Varsity Malaysia akan berlangsung di Sepang International Circuit (SIC) dan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Bagi mana-mana pihak yang ingin mendapatkan maklumat lanjut serta berminat untuk berkolaborasi, boleh berhubung terus dengan Tayalan di talian 013-6286591 atau Mohd Amir Afifi Abd Razak (017-7137039) serta layari laman sosial facebook FV Malaysia atau menerusi email [fvmalaysia@utem.edu.my](mailto:fvmalaysia@utem.edu.my).

# FORMULA VARSITY

## MALAYSIA 2015

### CABAR KREATIVITI MAHASISWA



Zulfatria Abdullah



Sumber Disediakan

# Upcoming Events



Festival Membaca

FV Malaysia 2015



UTeM Library Photo Contest



4th World Congress on Information and Communication Technologies



4th World Congress on  
Information and  
Communication Technologies

Mechanical Engineering Research Day 2015



International Conference on Technology Management and Technopreneurship (IC-TMT 2015)



# MEDIA SOSIAL UTeM



SMS

MyUTeM

UTeM\_my

utem\_moments

scan this!

